

The Samsung logo is displayed in white, bold, uppercase letters within a white oval shape on a dark brown background.

SAMSUNG

Portable Series

MANUAL PENGGUNA

Pemacu Keras Luaran

M3 Portable
S3 Portable

Permulaan

Mengenai Manual Ini

Produk anda disertakan dengan panduan permulaan ringkas dan manual pengguna.

Dengan mengikuti arahan dan langkah-langkah keselamatan manual ini akan memastikan penggunaan Pemacu Keras Luaran Portable Series anda yang lebih mudah dan lebih menyenangkan.

Panduan Permulaan Ringkas

Panduan permulaan diberikan dengan pembelian Pemacu Keras Luaran Portable Series.

Panduan permulaan ringkas menerangkan komponen produk dan memberikan arahan mudah mengenai cara untuk memasang produk.

Manual Pengguna

Manual Pengguna mengandungi maklumat terperinci mengenai ciri dan arahan menggunakan Portable Series anda Pemacu Keras Luaran.

Menggunakan Manual ini

Baca dengan teliti dan fahami bahagian “Langkah Pengendalian” sebelum menggunakan produk.

Kegagalan untuk mengikuti semua arahan seperti yang digariskan dalam bahagian Langkah Pengendalian boleh menyebabkan kerosakan terhadap anda atau Pemacu Keras Luaran Portable Series.

- Rujuk kepada bahagian Pencarisilapan dahulu jika anda mengalami masalah dengan produk.

Panduan Ikon

Ikon		Makna
	Langkah Keselamatan	Ini perlu dibaca dengan menyeluruh sebelum menggunakan sebarang fungsi.
	Berhati-hati	Ini mengandungi maklumat yang perlu diketahui mengenai fungsi. Pengguna perlu berhati-hati.
	Nota	Ini mengandungi maklumat berguna mengenai fungsi.

 Perisian dan manual pengguna tersedia untuk dimuat turun di laman web Pemacu Keras Samsung (samsunghdd.seagate.com). Kandungan Manual Pengguna aini boleh berubah tanpa sebarang notis terlebih dahulu untuk tujuan peningkatan produk.


Langkah Pengendalian

Maklumat berikut bertujuan untuk memastikan keselamatan pengguna dan mengelakkan kerosakan terhadap harta pengguna. Baca dengan teliti maklumat yang diberikan dan gunakan produk anda dengan betul.

Dibekalkan dengan Kuasa USB BUS terkadar

Samsung Portable Series anda perlu menggunakan Kuasa USB Bus. Sila sambungkan Port USB yang dibekalkan dengan Kuasa USB BUS terkadar.

Berkaitan Pemasangan



Gunakan produk pada permukaan rata.



Jangan duduk di atas produk dan jangan letakkan objek berat di pada produk.


Bekas atau penyambung produk boleh rosak dan boleh menyebabkan kerosakan.

Penggunaan Kabel Data




Kabel data terpiawai

Ini mungkin meningkatkan operasi yang salah dan boleh menyebabkan malfungsi.



Jangan bengkokkan dengan keras kabel data dan jangan letakkan objek berat pada kabel data.

Jika kabel data rosak, ia boleh menyebabkan malfungsi.



Jangan cabut keluar palam kabel data dengan menarik kabel dengan kuat.

Ini boleh merosakkan penyambung pada produk dan boleh menyebabkan masalah dengan produk.




Kejutatan

Pemacu luaran adalah sangat mudah alih dan anda boleh terjatuhkannya dengan mudah. Berhati-hati untuk tidak jatuhkan dan tersadung produk semasa membawa pemacu luaran. Jika anda mengenakan impak terhadap pemacu luaran, ia mungkin menyebabkan sektor rosak pada cakera. Sektor rosak boleh menyebabkan pelbagai dan kemungkinan ralat baca/tulis.



Kelembapan

Jika anda menggunakan produk di tempat yang terdedah terhadap kelembapan, ia memberikan bahaya kejutan elektrik. Selain daripada itu, pendedahan berpanjangan terhadap kelembapan boleh mengakis pelbagai bahagian dan komponen.



Magnet


Objek bermagnet boleh menyebabkan pelbagai jenis kerosakan pada HDD, termasuk kerosakan data. Pastikan magnet dan objek bermagnet jauh daripada pemacu luaran.



Menanggal dan Membuang Label

Untuk membaiki, sila kunjungi pusat khidmat pelanggan yang ditetapkan (Samsung).

Menanggal, membaiki atau memasang semula produk dan menanggalkan label tanpa kebenaran akan menyebabkan kehilangan waranti anda.



Sentiasa Sandarkan Data Penting anda

Pengeluar pemacu luaran tidak memberi jaminan terhadap data yang disimpan di dalam pemacu luaran dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan mental atau bahan yang berlaku semasa pemulihan data.

- Sandaran : Menyimpan yang asal dan satu salinan pada dua atau lebih media storan terpisah dan boleh capai.



Kerap Mengimbas Virus

Imbas peranti bagi virus dan lindungi pemacu luaran daripada serangan virus dengan kerap.




Membersihkan produk

Jangan guna cecair pembersih atau bahan kimia yang seumpamanya.

Jangan semburkan pembersih secara terus pada produk.

Ia mungkin menyebabkan perubahan warna dan pereputan pada produk.



Berkaitan Penjagaan

Pastikan bekas dan aksesori jauh dari capaian kanak-kanak. Ia mungkin akan menyebabkan kecederaan dan masalah.

Keluarkan Perkakasan Dengan Selamat

Sentiasa gunakan ciri-ciri Safely Remove Hardware sebelum mematikan HDD atau menanggalkan kabel USB dan kabel kuasa.

1MB=1,000,000ait / 1GB=1,000,000,000bait / 1TB=1,000,000,000,000bait

Kapasiti storan mungkin berbeza bergantung kepada kaedah memformat pemacu, susunan pemetakan, dan jenis sistem yang digunakan.

Jadual Kandungan

Baca Saya Dahulu	2	Mengenai Manual Ini
	2	Panduan Pemasangan Pantas
	2	Manual Pengguna
	2	Menggunakan Manual ini
	2	Panduan Ikon
Langkah Pengendalian	3	Dibekalkan dengan Kuasa USB BUS terkadar
	3	Berkaitan Pemasangan
	3	Penggunaan Kabel Data
	3	Kejutan
	3	Kelembapan
	4	Magnet
	4	Menanggal dan Membuang Label
	4	Sentiasa Sandarkan Data Penting anda
	4	Kerap Mengimbas Virus
	4	Membersihkan produk
	4	Berkaitan Penjagaan
	4	Keluarkan Perkakasan Dengan Selamat
Pengenalan	6	Keluarkan Perkakasan Dengan Selamat
Spesifikasi	7	M3 Portable/S3 Portable
Sambungkan Portable Series anda	8	Pemasangan
	9	Windows
	10	Macintosh
Gunakan Portable Series anda	11	Menyalin / Memindah Fail
	11	Kaedah Cakera Mudah Alih
	13	Alih Keluar Portable Series anda dengan selamat
	13	Untuk Windows
	14	Untuk Macintosh
Perisian Portable Series	15	Perisian Samsung Drive Manager
	15	Perisian Samsung Drive Manager
	17	Menggunakan Samsung Drive Manager
Menyelesai masalah	19	SOALAN LAZIM
Lampiran	20	Menyesekat dan Mengubah Jenis Sistem Fail
	20	Format semula kepada FAT32
	20	Format semula kepada NTFS
	20	Format di dalam Macintosh
	21	Sijil Produk
	21	FCC

Pengenalan

Pemacu Keras Luaran Portable Series anda adalah pemacu keras luaran prestasi tinggi yang menyokong USB 2.0 dan USB 3.0 *. Berbeza dengan pemacu cakera komputer meja konvensional, Portable Series External Hard Drive memungkinkan anda untuk menambah muatan storan yang lebih besar dengan serta-merta untuk sistem anda tanpa perlu menanggalkan komputer.

Ini bermaksud bahawa Portable Series External Hard Drive anda datang dengan disekat dan diformat sepenuhnya untuk penggunaan anda dan anda boleh serta-merta akses ke pemacu dengan hanya menyumbatkan ia kepada komputer anda melalui port USB.

Portable Series didatangkan dengan Pengurus Pemacu Samsung yang merupakan perisian pengurusan bersepadu berdasarkan Windows yang membolehkan penggunaan selesai Pemacu Keras Luaran. Pengurus Pemacu Samsung menyokong pelbagai fungsi termasuklah sandaran automatik, keselamatan fail / folder, kunci pemacu, diagnostik pemacu, persediaan pemetakan dan tetapan kuasa.

* M3 Portable : USB 3.0
S3 Portable : USB 3.0

Spesifikasi (M3 Portable, dan S3 Portable)

Kategori	S3 Portable	M3 Portable
Antaramuka	Kelajuan Super USB	
Halaju Pemprosesan	5 Gbps Maks.	
	Port USB	
Sistem Pengendalian	Windows XP / Vista / 7 / 8	
	Mac OS X 10.4.8 versi terkini	
Kapasiti Cakera Keras	500GB / 1TB / 1.5TB / 2TB	
Dimensi (W x H x L)	(82mm x 15.6mm x 111mm)	(81.9mm x 17.6mm x 110.6mm)
Format Sistem	NTFS	


Keperluan Sistem

- PC : Windows XP / Vista / 7 / 8
- Macintosh : Mac OS X 10.4.8 atau kemudian
- Tingkatkan sistem operasi anda kepada versi yang terkini untuk menikmati pencapaian yang lebih bagus dan boleh diharap.

Komponen




S2 Portable, M3 Portable, atau S3 Portable



Kabel USB 3.0 Micro-B




Panduan Permulaan Ringkas

Beg Kantung
(tidak termasuk dengan M3 Portable dan S3 Portable)

- Apabila anda membeli S2 Portable 3.0 External Hard Drive, pastikan semua komponen telah dimasukkan ke dalam pakej produk.

Gambaran Keseluruhan



■ Keterangan LED

- 1) Status Sedia : Cahaya LED yang stabil
- 2) Baca / Tulis sedang Berjalan : LED berkelip


- Untuk menggunakan the Hard Drive pada kelajuan maksimumnya, anda memerlukan sebuah PC atau Kad Hos yang menyokong peranti USB 3.0.

Cara Penyambungan untuk M3 Portable, atau S3 Portable anda


Pemasangan

Pastikan bahawa komputer memenuhi spesifikasi minimum sistem seperti yang digariskan dalam Keperluan-Keperluan Sistem. Sambungkan kabel USB ke desktop / komputer riba seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1 dan 2:

- **Rajah 1. Sambungan ke Komputer Meja**



- **Rajah 2. Sambungan ke Komputer Riba**



➤ Untuk menggunakan the Hard Drive pada kelajuan Maksimumnya, anda memerlukan sebuah PC atau Kad Hos yang menyokong antara muka USB 3.0.

Windows


Apabila anda menghubungkan Portable Series External Hard Drive ke komputer, satu ikon kecil akan muncul dalam dulang sistem pada penjuru bawah kanan skrin.

- **Rajah 3.** Dulang Sistem menunjukkan satu peranti luaran



Sistem pengendalian akan mengenalpasti dan mempamerkan pemacu "Samsung" di bawah "My Computer".

- **Rajah 4.** Dalam Windows Explorer, anda akan lihat satu pemacu Samsung yang baru.



Anda sekarang telah sedia untuk menggunakan Samsung Portable Series External Hard Drive.

Macintosh


Sambungkan Portable Series External Hard Drive ke komputer. Sistem pengendalian Macintosh anda kemudiannya akan menandakan ikon pemacu SAMSUNG.

- **Rajah 5.** Ikon sambungan HDD Luaran Macintosh



Folder berikut akan muncul selepas klik pada ikon SAMSUNG

- **Rajah 6.** Folder Macintosh



! Anda sekarang telah sedia untuk menggunakan Samsung Portable Series External Hard Drive.
(Perisian termasuk dengan Portable Series External Hard Drive anda tidak menyokong persekitaran pengendalian Mac.)

✎ Samsung menyediakan NTFS for Mac Driver yang boleh digunakan untuk menulis data pada format NTFS untuk peranti External Hard Drives pada Mac OS. NTFS for Mac Driver boleh dimuat turun daripada laman web Samsung. (<http://samsunghdd.seagate.com>)

Gunakan Portable Series anda

Menyalin / Memindah Fail

Kini anda telah berjaya memasang Portable Series External Hard Drive anda yang baru, salinan atau pindahan fail atau keseluruhan folder daripada Portable Series baru anda ke komputer anda dan sebaliknya.



Adalah sangat penting untuk memahami perbezaan di antara Salin dan Pindah.

Salin : melakukan penduaan fail atau folder dan menyimpannya supaya anda memiliki dua salinan.

Pindah mengambil fail atau folder dari satu lokasi dan meletakkannya di tempat yang lain.

APABILA ANDA MEMINDAHKAN FAIL ATAU FOLDER, ANDA TIDAK LAGI MEMILIKI SALINAN SANDARAN.

Salin dan tampilkan fail dari komputer ke Portable Series External Hard Drive (Kaedah Cakera Mudah Alih)


Menyalin / Memindah Fail

Untuk tujuan bagi buku panduan ini, kita akan membuat satu salinan fail Temp pada pacuan C komputer anda dan salin ia ke Portable Series External Hard Drive

Dari Windows Desktop klik:

Mula (Start) → Aturcara (Programs) → Aksesori (Accessories) → Windows Explorer


- **Rajah 7.** Pergi ke Windows Explorer



Dari Windows Explorer, anda akan lihat pelbagai huruf pemacu; A, C, pemacu C anda adalah Pemacu Keras tempatan (Local Hard Drive) anda. Portable Series akan kelihatan menjadi pemacu E tetapi, ia boleh menjadi sebarang huruf pemacu. Untuk tujuan buku panduan ini, kita akan menganggap Portable Series adalah pemacu E. Seperti biasa, untuk berlatih menyalin fail dan folder, kita akan menyalin folder Temp ke dalam Portable Series.


Dari skrin Windows Explorer:
 Klik Cakera Tempatan C (Local Disk C)
 Dari sebelah kanan anak tetingkap:
 Klik-kanan folder Temp → Klik Salin

- **Rajah 8.** Apabila anda Klik-Kanan pada fail atau folder, anda akan menerima menu lain.



Sekarang, kita akan salin folder Temp dari pemacu Tempatan C, ke pemacu Samsung E. Dari kiri anak tetingkap di Windows Explorer : Klik Kanan Samsung E → Klik Tempal (Paste)

- **Rajah 9.** Dengan menggunakan Klik-Kanan sekali lagi, kita boleh tempal fail Temp ke dalam pemacu Portable Series.



! NOTA : Memutuskan sambungan kabel USB semasa pindahan fail sedang dijalankan boleh merosakkan komputer anda dan / atau Portable Series External Hard Drive Jika anda perlu untuk memutuskan sambungan kabel USB, tunggu proses pemindahan siap dahulu dan putuskan menggunakan pilihan “Alih Keluar Perkakas Dengan Selamat” (Safely Remove Hardware)

Alih Keluar Portable Series anda dengan selamat

Untuk Windows

Klik kanan pada anak panah ikon dari dulang sistem pada penjuru bawah kanan skrin anda.

- **Rajah 10.** Bar tugas terletak pada dasar kanan skrin.



Klik "Keluarkan Perkakasan Dengan Selamat."

- **Rajah 11.** Gesaan 'Safely Remove Hardware' akan menyenaraikan setiap peranti yang terdapat pada sistem anda.



Klik "Samsung Portable Series USB device".

- **Rajah 12.** Penggesa ini akan menyenaraikan kesemua Peranti Storan Am seperti Pacuan Keras Tempatan anda dan pacuan Keras Portable Series anda.



Apabila anda melihat mesej "Safely Remove Hardware", anda boleh alih keluar peranti dengan selamat daripada sistem.

 Gunakan butang Keluarkan Dengan Selamat Samsung Drive Manager untuk mengeluarkan pemacu keras luaran anda dengan selamat.




[Butang Safely Remove (Tanggalkan Dengan Selamat)]

Untuk Macintosh

Klik ikon pemacu cakera keras luaran dan pilih "Eject "SAMSUNG.""

- **Rajah 13.** Untuk Macintosh klik ikon USB dan memilih Eject "SAMSUNG"



Ini akan memutuskan sambungan pacuan itu dengan selamat. Sekarang sudah selamat untuk menanggalkan pacuan daripada komputer.

! Jangan putuskan kabel USB Portable Series External Hard Drive daripada komputer semasa pindahan fail sedang dijalankan. Mengganggu pindahan fail akan menyebabkan kerosakan data dan/atau kerosakan Portable Series External Hard Drive anda.

Perisian Portable Series

Perisian Samsung Drive Manager

Samsung Drive Manager adalah perisian yang dikelompokkan untuk Windows yang disediakan untuk kemudahan Pemacu Keras Luaran anda. Samsung Drive Manager terdiri daripada Samsung AutoBackup (Sandaran Auto Samsung) (penyelesaian sandaran peribadi), Samsung SecretZone™; (Penyelesaian perlindungan data peribadi), Samsung Secure Manager (penyelesaian pengurusan cakera keras selamat) dan alat pengurusan Samsung External Hard Drive (Pemacu Keras Luaran Samsung).

Samsung Drive Manager mesti dipasang pada komputer yang dipasang pada Portable Series untuk beroperasi.

Untuk mendapatkan butiran lanjut, rujuk manual pengguna yang diberikan dengan Portable Series anda.

 Pengurus Selamat Samsung tidak boleh digunakan jika cakera keras anda tidak menyokong fungsi keselamatan.


Perisian Samsung Drive Manager



1. Apabila PC dan Samsung External Hard Drive (Keras Luaran Samsung) disambungkan, skrin pemasangan Samsung Drive Manager dipaparkan secara automatik.

 Skrin pemasangan tidak dipaparkan secara automatik pada Windows Vista atau Windows 7 / 8; anda perlu untuk menjalankan Samsung Drive Manager.exe secara manual pada Samsung External Hard Drive.

2. Pilih Jalankan Samsung Drive Manager pada skrin pemasangan, dan klik [OK].




3. Pilih bahasa untuk menjalankan pemasangan dalam.




4. Sebaik sahaja proses persediaan telah sedia, dialog ucapan InstallShield Wizard akan dipaparkan.

5. Klik "Next" (Seterusnya).




6. Dialog akan memaparkan perjanjian lesen pengguna akhir. Baca perjanjiannya dengan teliti. Pilih "Yes" (Ya).




7. Skrin pemilihan folder pemasangan dipaparkan untuk Samsung Drive Manager.

8. Tetapkan folder pemasangan dan klik "Next" (Seterusnya).



9. Pada skrin pemilihan folder atur cara, tetapkan folder atur caranya untuk didaftarkan ikon Samsung Drive Manager dan klik "Next" (Seterusnya).



10. Komputer anda boleh dihidupkan semula selepas atur cara dipasang.

11. Sahkan mula semula sistam (jika perlu) dan klik "Done" (Selesai).

! Mulakan semula komputer anda apabila diminta untuk memastikan pelaksanaan biasa Samsung Drive Manager

Menggunakan Samsung Drive Manager

Pilih Start (Mula) (dari menu mula Windows) → All Programs → Samsung → Samsung Drive Manager
→ Samsung Drive Manager.

Tetingkap yang ditunjukkan di bawah dipaparkan apabila atur cara dijalankan



[Skrin Pengurus Pemacu Samsung]

Tetingkap utama Samsung Drive Manager menyertakan maklumat pemacu, butang Safely Remove Hardware (Keluarkan Perkakasan Dengan Selamat), Buka butang Secure Hard Disk (Cakera Keras Selamat), butang pelaksanaan atur cara dan butang alatan.



[Butang Safely Remove (Tanggalkan Dengan Selamat)]

Klik Safely Remove Hardware untuk menanggalkan cakera keras anda dengan selamat.

! Sesetengah model tidak menyokong fungsi ini. Kemudian butang buka kunci muncul dalam warna yang dimalapkan.

Apabila sumber sandaran kerap disandarkan menggunakan Samsung AutoBackup, ia disandarkan sepenuhnya hanya semasa sandaran pertama, dan sandaran masa nyata (pemantauan data sandaran untuk sandaran automatik bagi data yang diubah sahaja) dijalankan seterusnya bagi kemudahan anda.

Samsung SecretZone™ adalah penyelesaian perlindungan maklumat peribadi yang membolehkan anda mewujudkan dan menggunakan cakera yang disulitkan pada Cakera Keras Luaran Samsung. Dengan menggunakan Samsung SecretZone™, anda boleh melindungi maklumat data peribadi yang penting dan sulit dengan selamat dan mudah.

! Fungsi ini tidak serasi dengan Cakera Keras Luaran yang tidak menyokong tetapan kuasa.

Rujuk Manual Samsung Drive Manager yang disediakan dengan produk untuk mendapatkan butiran lanjut. Manual Pengguna Samsung Drive Manager boleh juga dimuat turun dari laman web Samsung.

Panduan penyelesaian masalah

- Periksa sambungan kabel USB.
- Periksa lampu LED pada External Hard Drive.
- Periksa bekalan kuasa ke Portable Series External Hard Drive.
 - Bunyi bising merupakan petanda kekurangan kuasa.
- Sekiranya pemacu tidak dapat dikenalpasti, cuba pasangannya ke port USB yang berbeza.

SOALAN LAZIM

S1. Pemindahan fail terlalu lama.

J1. - USB 2.0

Anda akan mengalami kelajuan pemindahan fail yang perlahan sekiranya komputer anda tidak menyokong USB 2.0 atau sekiranya anda tidak menyambungkan

Portable Series External Hard Drive ke port USB 2.0. Cuba sambungkan Portable Series External Hard Drive ke port yang berbeza atau, sekiranya komputer anda tidak menyokong USB 2.0, beli port USB 2.0 yang berasingan.

- USB 3.0

Untuk menggunakan the Hard Driver pada kelajuan maksimum, anda memerlukan sebuah PC atau Kad Hos yang menyokong peranti USB3.0 dan kabel USB 3.0.

S2. Kapasiti storan sebenar bagi Portable Series External Hard Drive berbeza daripada kapasiti yang ditunjukkan pada pek pembungkusan.

J2. Jenis sistem fail yang digunakan pada pemacu, aturan pemetakan, jenis sistem operasi dan pelbagai faktor lain boleh memberi kesan kepada kapasiti storan yang ditunjukkan pada komputer anda.
(1MB=1,000,000bait dan 1GB=1,000,000,000bait dan 1TB=1,000,000,000,000bait.)

S3. Saya menyambungkan Portable Series External Hard Drive, dan komputer cuba untuk mengenalpasti peranti, tetapi pemacu tidak dipamerkan di bawah Window Explorer.

J3. Portable Series External Hard Drive diformatkan ke FAT32 secara lalai dan akan bekerja secara biasa apabila anda menyambungkannya ke komputer anda. Tetapi sekiranya pemetakan dipadam atau sistem fail telah diubah kepada jenis yang tidak dikenali oleh Windows, pemacu tidak akan muncul di Windows Explorer. Cuba formatkan pemacu ke FAT32 atau NTFS.
(Perhatian : Format akan memadamkan semua data yang disimpan dalam pemacu.)

S4. Saya menggunakan Windows XP dan tidak boleh memformatkan pemacu ke FAT32.

J4. Sistem pengendalian Windows yang mengikut Windows NT mempunyai had pemformatan FAT32 kepada 32GB. Namun, sekiranya anda ingin memformat Portable Series External Hard Drive kepada FAT32, anda hendaklah memuat turun kemudahan format daripada laman web kami.
(Perhatian : Format akan memadamkan semua data yang disimpan dalam pemacu. Kami mengesyorkan supaya anda membuat data pendua sebelum meneruskannya.)

S5. Komputer saya tidak boleh restart/reboot dengan betul.

J5. Sekiranya anda mengebut sistem dengan S2 Portable Series External Hard Drive disambungkan ke komputer, berkemungkinan sistem BIOS anda cuba untuk mengebut daripada HDD luaran.
Tukar turutan but BIOS atau putuskan HDD luaran daripada system dan kemudian cuba but sekali lagi.

S6. Saya menggunakan Mac, dan saya tidak boleh menyalin fail.

J6. Sekiranya pemacu diformatkan ke NTFS, data yang disimpan dalam pemacu hanya boleh dibaca oleh sistem Mac. Untuk menggunakan pemacu pada sistem pengendalian Mac OS X, gunakan NTFS for Mac Driver atau formatkan semula pemacu anda.

NTFS for Mac Driver : Rujuk kepada halaman 12

Format semula: Rujuk kepada halaman 22

Lampiran

 **AMARAN** - PEMETAKAN DAN PEMFORMATAN PEMACU ANDA AKAN MEMADAMKAN SEMUA FAIL SECARA KEKAL PADA PEMACU. JANGAN CUBA MELAKUKAN INI MELAINKAN SEMUA FAIL ANDA TELAH DIBUAT SANDARAN DAN SEMAK KEBOLEHPERCAYAAN DAN KEBOLEHBACAAN.SOALAN LAZIM

Menyeseekat dan Mengubah Jenis Sistem Fail

Adalah mungkin untuk memetakan Pemacu Keras Luaran Siri Portable Series anda dan mengubah jenis sistem fail.

- Format semula kepada FAT32
- Format semula kepada NTFS
- Format semula kepada Macintosh

Format semula kepada FAT32

- Format semula pemacu keras luaran anda sebagai FAT32 menggunakan Kemudahan Format Samsung atau Pengurus Pemacu Samsung.
- Kemudahan Format Samsung : log masuk ke samsunghdd.seagate.com
- Pengurus Pemacu Samsung : Rujuk kepada halaman 17.

Format semula kepada NTFS

Ikuti pemformatan yang diterangkan kepada NTFS dalam Windows XP:

- Sambungkan Portable Series External Hard Drive ke komputer.
- Klik "Mula" daripada bahagian sudut kiri bawah skrin anda.
- Klik kanan "Komputer Saya" dan kemudian pilih "Uruskan."
- Daripada alat "Pengurusan Komputer", pilih "Pengurusan Cakera."
- Klik kanan pemacu yang anda mahu formatkan dan kemudian pilih "Padam Pemetakan."
- Sebaik sahaja pemetakan pemacu telah dipadam, klik kanan pemacu yang anda mahu formatkan dan kemudian pilih "Pemetakan Baru" seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah.
- Daripada Wizard Cipta Pemetakan, pilih "Pemetakan Utama" dan kemudian masukkan saiz pemetakan yang diinginkan.
- Daripada menu "Sistem Fail", pilih "NTFS" dan format.

Format dalam Macintosh

Ikuti pemformatan yang diterangkan dalam Mac OS X:

- Lancarkan alat "Kemudahan Cakera" Mac OS X.
- Buka folder pemacu utama daripada desktop. Buka folder "Aplikasi" dan kemudian folder "Kemudahan".
- Pilih fail "Kemudahan Cakera".
- Pilih pemacu yang anda mahu formatkan semula.
- Pilih menu "Padam".
- Pilih "Mac OS Lanjutan (Jurnal)" daripada menu "Format Isipadu" dan kemudian Klik butang "Padam"
- Sebaik sahaja pemformatan selesai, pemacu akan muncul pada desktop anda.

Sijil Produk

CE (European Union/Community)
 FCC (Federal Communications Commission)
 C-TICK
 CHINA RoHS 20
 CU

BSMI (Bureau of Standards, Metrology and Inspection)
 NRTL
 CB
 NEMKO



Tanda ini pada produk, aksesori atau maklumat menunjukkan bahawa produk tersebut dan aksesori elektroniknya (cth. pengecas, fon kepala, kabel USB) tidak boleh dilupuskan dengan buangan isi rumah lain di penghujung hayat perkhidmatannya. Untuk mengelakkan kemungkinan bahaya terhadap persekitaran atau kesihatan manusia daripada pelupusan sisa yang tidak terkawal, sila asingkan item ini daripada sisa jenis lain dan kitarnya semula dengan bertanggungjawab untuk menggalakkan penggunaan semula sumber bahan yang mampan.

Pengguna isi rumah perlu menghubungi sama ada peruncit tempat mereka membeli produk ini, atau pejabat kerajaan setempat mereka, untuk mendapatkan butiran tempat dan cara mereka boleh membawa item ini untuk pengitaran semula yang selamat untuk persekitaran.

Pengguna perniagaan perlu menghubungi pembekal mereka dan menyemak terma dan syarat kontrak pembelian. Produk ini dan aksesori elektroniknya tidak boleh dicampurkan dengan sisa komersial lain untuk pelupusan.

FCC

	IMPORTANT NOTE: FCC Caution Statement Any changes or modifications not expressly approved by the party responsible for compliance could void the user's authority to operate this equipment.
	Regulatory Compliance IMPORTANT NOTE: FCC Compliance statement This equipment has been tested and found to comply with the limits for a Class B digital device, pursuant to Part 15 of the FCC Rules. These limits are designed to provide reasonable protection against harmful interference in a residential installation. This equipment generates, uses and can radiate radio frequency energy and, if not installed and used in accordance with the instructions, may cause harmful interference to radio communications. However, there is no guarantee that interference will not occur in a particular installation. If this equipment does cause harmful interference to radio or television reception, which can be determined by turning the equipment off and on, the user is encouraged to try to correct the interference by one of the following measures: • Reorient or relocate the receiving antenna. • Increase the separation between the equipment and receiver. • Connect the equipment into an outlet on a circuit different from that to which the receiver is connected. • Consult the dealer or an experienced radio/TV technician for help. IMPORTANT NOTE: FCC Operation Guide This device complies with Part 15 of the FCC Rules. Operation is subject to the following two conditions: (1) This device may not cause harmful interference, and (2) this device must accept any interference received, including interference that may cause undesired operation. IMPORTANT NOTE: FCC Shielded cable statement This unit was tested with shielded cables on the peripheral devices. Shielded cables must be used with the unit to insure compliance.

Hak cipta terpelihara. Seagate adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Seagate Technology LLC atau salah satu syarikat gabungannya dalam Amerika Syarikat dan/atau negara lain. Samsung dan logo Samsung adalah tanda dagangan Samsung Electronics Co., Ltd. Semua tanda dagangan lain atau tanda dagangan berdaftar adalah hak milik pemiliknya masing-masing. Apabila merujuk kepada kapasiti pemacu, satu gigabait, atau GB, bersamaan dengan satu bilion bait dan satu terabait, atau TB, bersamaan dengan satu juta bilion bait. Sistem pengendalian komputer anda mungkin menggunakan standard pengukuran yang berbeza dan melaporkan kapasiti yang lebih rendah. Selain daripada itu, sesetengah kapasiti yang disenaraikan digunakan untuk memformat dan fungsi lain tidak akan tersedia untuk storan data. Contoh penggunaan kuantitafi untuk pelbagai aplikasi adalah untuk tujuan ilustratif. Kuantiti sebenar akan berbeza-beza berdasarkan kepada pelbagai faktor, termasuk saiz fail, format fail, ciri dan perisian aplikasi. Eksport atau eksport semula perkakasan atau perisian yang mengandungi penyulitan mungkin dikawal oleh Jabatan Dagangan, Biro Industri dan Sekuriti A.S. (untuk mendapatkan maklumat lanjut, lawati www.bis.doc.gov) dan kawalan untuk import dan penggunaan di luar A.S. Kadar data sebenar mungkin berbeza-beza bergantung kepada persekitaran pengendalian dan faktor lain. Seagate mempunyai hak untuk mengubah, tanpa memberikan notis, tawaran atau spesifikasi produk.

Seagate Technology LLC, 10200 S. De Anza Blvd, Cupertino, CA 95014 U.S.A.
Seagate Technology International, Koolhovenlaan 1, 1119 NB Schiphol-Rijk, The Netherlands